

29 AUG 1997

PM: KERAJAAN AKAN TARIK BALIK LESEN BANK YANG MENYELEWENG

PASIR PUTEH, 29 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini memberi amaran kepada bank-bank tempatan bahawa kerajaan akan menarik balik lesen mereka jika mereka meminjamkan skrip saham kepada pelabur Bursa Saham Kuala Lumpur, mulai sekarang.

Dr Mahathir berkata kerajaan sudahpun memberi amaran keras kepada bank-bank tempatan yang sebelum ini dikenal pasti terlibat dalam kegiatan seumpama itu sehingga para pelabur, terutamanya pengurus dana menggunakan saham itu untuk melakukan manipulasi.

"Apa yang berlaku sebelum ini, kita tak ambil kira kerana dia (bank-bank tempatan) tak diberi amaran tetapi setelah diberi amaran kalau dia teruskan juga, umpamanya memberi pinjaman skrip yang dijual berkali-kali, kita akan ambil tindakan," katanya kepada pemberita selepas menutup Konvensyen UMNO/Barisan Nasional Kelantan 1997 dan Perhimpunan Rakyat di Sekolah Cherang Ruku, Semerak di sini.

Semalam Dr Mahathir menggariskan langkah-langkah untuk memulihkan BSKL termasuk tindakan pembelian saham secara besar-besaran oleh institusi tempatan serta mencegah intitusi kewangan dari meminjam skrip saham kepada pelabur-pelabur yang melakukan jualan pendek.

(Jualan pendek atau jualan jangka turun merujuk kepada tindakan yang diambil oleh seseorang pespekulasi yang menjual saham yang tidak dimilikinya (selalunya dengan meminjam daripada inventori broker) dengan beranggapan bahawa saham tersebut akan jatuh harganya beberapa hari kemudian, dan pada hari tersebut akan dibelinya balik saham tersebut dengan harga yang murah dan seterusnya akan memulangkan balik saham tersebut kepada broker)

Tanpa menyebut bank yang terlibat, perdana menteri berkata tindakan bank itu meminjam skrip saham telah menyebabkan para pelabur terbabit melakukan perniagaan atas angin bagi meraut keuntungan.

Katanya, para pelabur itu telah mengambil kesempatan melakukan penjualan dan pembelian yang berkali-kali sedangkan mereka sebenarnya tidak mempunyai saham yang hendak ditawarkan.

"Jadi dia (para pelabur) jual benda yang bukan milik dia. Dengan itu, dia boleh jual berkali-kali. Dan dia jual dengan harga mahal. Bila jatuh harga, dia beli, dia langsung tak guna saham yang sebenar," tambah beliau.

Sehubungan itu, Dr Mahathir berkata kerajaan terpaksa memperkenalkan sistem yang mana setiap pelabur yang ingin membuat penjualan mesti menunjukkan bahawa mereka benar-benar mempunyai saham untuk dijual.

Katanya, cara itu akan dapat memastikan kegiatan manipulasi dan perniagaan atas angin dapat diawasi dan seterusnya dihentikan.

Mengenai penglibatan dana tempatan dalam BSKL secara agresif hari ini, beliau berkata kehadiran mereka akan kekal sehingga Indeks Komposit BSKL mencecah 1,000 mata.

Katanya kerajaan sudahpun melonggarkan syarat had pelaburan dana itu dalam BSKL bagi membolehkan agensi terbabit seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Permodalan Nasional Bhd, Tabung Amanah Pencen bergiat lebih cergas dalam pasaran.

"Kalau perlu dia boleh melabur lebih daripada had yang dibenarkan, malah kita benarkan bank-bank memberi pinjaman yang lebih kepada mereka supaya dana itu dapat memberi saham yang sekarang ini telah disalahguna.

Dr. Mahathir berkata kerajaan juga tidak berhasrat untuk menghalang mana-mana dana asing daripada melabur dalam BSKL.

Bagaimanapun, beliau berkata mereka mesti mengikut cara pelaburan iaitu dengan membuktikan secara fizikal bahawa mereka mempunyai saham untuk dijual. -- BERNAMA

AH SIA